

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU312 - Antropologi Perubatan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan 1 adalah WAJIB.

SOALAN WAJIB

1. [a] Bincangkan kepentingan antropologi perubatan dalam satu negara membangun seperti Malaysia.

[b] Bagaimanakah mungkin masalah-masalah kesihatan masyarakat desa dan bandar bertambah menjadi lebih Kompleks sambil Malaysia menuju ke abad 21?

[100 markah]

Pilih DUA daripada empat soalan.

2. Bincangkan cara bagaimana tabiat dan aktiviti-aktiviti manusia membawa masalah persekitaran di peringkat dunia dan negara. Bagaimanakah masalah persekitaran mengancamkan kesihatan manusia? Beri contoh-contoh sesuai untuk menghuraikan sesuatu masalah persekitaran.

[100 markah]

3. "Kaum wanita dan kanak-kanak adalah golongan yang paling terancam dalam pembangunan kesihatan". Bincangkan kenyataan ini dari segi sistem budaya, organisasi sosial, ekonomi dan politik sesuatu masyarakat.

[100 markah]

...2/-

4. Bincangkan kepakaran-kepakaran tradisional yang ada dalam masyarakat Malaysia dari segi sistem perubatan, rawatan dan pengawalan kesihatan. Bagaimanakah sesebuah kerajaan boleh menggunakan kepakaran-kepakaran ini dalam sistem kesihatan moden?

[100 markah]

5. Tulis nota-nota pendek mengenai virus, sindrom dan penyakit-penyakit di bawah. Pilih LIMA daripada tujuh:

- [a] Sindrom amuk
- [b] Sindrom latah
- [c] Histeria massa
- [d] Penekanan Mental
- [e] Hepatitis B
- [f] Malaria
- [g] A.I.D.S.

[100 markah]